

## KATA BANTU

Kata bantu ialah kata tugas yang berfungsi untuk menambahkan makna pada frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama. Kata bantu terbahagi kepada dua, iaitu **kata bantu aspek** dan **kata bantu ragam**.

### Kata Bantu Aspek

Kata bantu aspek menyatakan suasana perbezaan masa, iaitu sama ada masa lampau, masa ini atau masa hadapan.

Contoh:

1. Kerja sekolah *telah* saya siapkan petang tadi.
2. Saya *pernah* melancong ke Kota Kinabalu.
3. Mereka *masih* di taman permainan pada waktu itu.
4. Buah rambutan *sedang* masak ranum di rumah Pak Johar.
5. Kami *belum* makan tengah hari lagi.

### Kata Bantu Ragam

Kata bantu ragam menyatakan atau menerangkan ragam perasaan yang berkaitan dengan perbuatan yang dilakukan.

Contoh:

1. Adakah kamu *hendak* pergi ke kantin?
2. Saya *mahu* ke pusat sumber pada petang ini.
3. Kamu *harus* faham akan masalah sahabat kamu.
4. Rabiah *boleh* berehat selepas mengulang kaji pelajaran.
5. Zamani *dapat* menjawab soalan Matematik yang sukar itu.

## KESALAHAN PENGGUNAAN KATA BANTU

- (a) Kata bantu **boleh** berbeza penggunaannya dengan kata bantu **dapat**. Kata bantu **boleh** membawa maksud **keizinan** manakala kata bantu **dapat** membawa maksud **keupayaan**.

SALAH	BETUL
1. *Suhil tidak <b>boleh</b> memakai kasut itu kerana terlalu kecil.	1. Suhil tidak <b>dapat</b> memakai kasut itu kerana terlalu kecil. (keupayaan)
2. *Dina <b>dapat</b> meninggalkan kelas selepas menyiapkan kerjanya.	2. Dina <b>boleh</b> meninggalkan kelas selepas menyiapkan kerjanya. (keizinan)

- (b) Kata bantu **mahu** membawa maksud keinginan yang timbul sebagai akibat ajakan atau desakan dari luar manakala kata bantu **hendak** membawa maksud keinginan yang timbul dari dalam atau niat untuk melakukan sesuatu.

SALAH	BETUL
1. *Saya <b>mahu</b> ke bilik air.	1. Saya <b>hendak</b> ke bilik air. (niat)
2. *Adakah awak <b>hendak</b> mengikut saya menonton wayang?	2. Adakah awak <b>mahu</b> mengikut saya menonton wayang? (ajakan)

## KATA PENEGAS

Kata penegas ialah kata tugas dan partikel yang memberikan penekanan pada bahagian-bahagian tertentu dalam ayat.

Contoh:

1. *Bilakah* awak akan berangkat ke Kuala Lumpur?
2. *Apatah* daya saya untuk membantu awak!
3. *Itulah* perkara yang kami bincangkan dalam mesyuarat tersebut.
4. Kasut sekolah yang dijemur itu belum kering *lagi*.
5. Budak lelaki itu *pun* bangun untuk menjelaskan perkara yang sebenarnya.
6. Saya *memang* tidak suka minum kopi semenjak saya kecil.
7. Jiran-jiran Kamalia *juga* membantu mangsa banjir itu.

## KATA ARAH

Kata arah ialah kata tugas yang hadir sebelum frasa nama atau kata nama dan sesudah kata sendi nama untuk menunjukkan hala atau jurusan.

kata sendi nama + kata arah + kata nama

Contoh:

di belakang pintu

di (kata sendi nama) + belakang (kata arah) + pintu (kata nama)

Contoh:

1. Mereka berkelah di *tepi* jeram.
2. Rumah Musliha di *hadapan* balai polis.
3. Mereka menaiki kereta api menuju ke *selatan* tanah air.
4. Tendangannya tepat ke *penjuru* pintu gol pasukan lawan.
5. Fasiah hidup gembira di *samping* keluarga yang tercinta.